

**ARCHIVE UNIT  
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHİYAH**

Zakiyah Binti Jamaluddin. (2001). Masalah sosial remaja : Tinjauan daripada perspektif sosiologi. In Che Su Binti Mustaffa, Prof. Madya Dr. ,Wan Ab. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah, Dr. ,Rohani Binti Hj. Ab. Ghani, Dr. (Eds.). *Dimensi – dimensi pembangunan sosial*. (pp. 117-124). Sintok : Kolokium Akademik SPS 2001.


College of Arts and Sciences  
Universiti Utara Malaysia



# Dimensi - Dimensi Pembangunan Sosial



Diselenggara oleh:  
Che Su Mustaffa  
Wan Ab. Rahman Khudzri  
Rohani Ab. Ghani  
Abdul Rahman Aziz  
Nuredayu Omar  
Hamidi Ismail  
Mohamed Suker  
Jamaluddin Mustafa



## MASALAH SOSIAL REMAJA: TINJAUAN DARIPADA PERSPEKTIF SOSIOLOGI

Zakiah Jamaluddin

### Pengenalan

Sejak akhir-akhir ini masyarakat dikejutkan dengan pelbagai kejadian tragik yang melibatkan golongan remaja khususnya. Sekitar tahun 2001 menyaksikan banyak kes-kes bunuh, amuk, rogol dan liwat yang melibatkan remaja tidak kira sama ada mereka adalah mangsa atau pelaku. Misalnya pada 3 Julai 2001, Nurul Hanis Kamil, 16 tahun, pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yaakub (SDARY), Melaka, dirogol, diliwat dan dibunuh dalam semak berhampiran rumahnya di Taman Koperasi Risda, Serkam Darat, Jasin, Melaka. Selang beberapa hari kemudian, seorang remaja lelaki berusia 17 tahun yang sama sekolah dengannya ditahan untuk siasatan lanjut berhubung kes tersebut.

Pada 6 Julai 2001, Siti Nadirah Budah, 5 tahun, dibunuh selepas dirogol di Kampung Simuga Besar, Jalan Batang Batu 10, Sandakan, Sabah. Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun kemudiannya ditahan setelah mengaku melakukan pembunuhan tersebut. Pada tarikh yang sama, seorang anak menikam ayahnya sehingga mati dan mencederakan ibu serta adik perempuannya sehingga parah kerana mengamuk, di Kampung Paya Kechik, Temerloh, Pahang. Manakala pada 10 Julai 2001, seorang pemuda berusia 20 tahun mencabul kanak-kanak berusia 5 tahun di sebuah rumah di Batu 8, Gombak, Selangor. Terdahulu sebelum itu, pada 21 Oktober 2000, seorang remaja lelaki berusia 12 tahun telah merogol dan membunuh Norshuhada Burak dan mayatnya dicampakkan ke dalam tangki di tingkat atas rumahnya.

Keganasan serta tingkah laku yang di luar batasan ini mengundang pelbagai reaksi masyarakat, sehingga menganggap perlakuan tersebut sudah ke tahap yang amat membimbangkan. Sebelum ini, masyarakat didedahkan dengan perlakuan remaja yang juga berada pada tahap yang serius misalnya masalah salah laku pelajar sekolah yang membabitkan kegiatan merokok (termasuk pelajar perempuan, yang dianggap salah satu punca pelajar Melayu tidak cemerlang), vandalisme, pergaduhan yang membabitkan kumpulan pelajar sehingga berlaku tikam-menikam, sehinggalah kepada tingkah laku membakar sekolah. Kejadian terbaru ialah pembabitkan remaja dalam kumpulan *Black Metal* yang bertindak melampaui batas agama Islam dengan meminum darah kambing jantan, minum arak, mengambil dadah, mengamalkan seks bebas dan memijak Al Qur'an. Namun, agenda terpenting bagi kumpulan ini ialah penyelewengan akidah bagi umat Islam. Media massa turut berperanan dalam mendedahkan segala perilaku tersebut yang akhirnya membawa kepada gejala atau masalah sosial yang membabitkan remaja.

Menurut McWhirter (1998), delinkuen dan keganasan merupakan luahan luaran berkaitan tidak konformis, menolak norma ibu bapa dan sosial serta reaksi kepada tekanan dalaman. Menurut Eron et. al (dalam Abdul Razak Abdul Manaf, 2000) terdapat empat pengalaman sosial individu yang berbeza yang mempercepatkan langkah ke arah keganasan dan jenayah di kalangan kanak-kanak dan remaja iaitu, penglibatan awal dengan alkohol dan dadah; penglibatan dengan kumpulan antisosial; kemudahan mendapatkan senjata; dan pemaparan keganasan dalam media. Banyak kajian menunjukkan bahawa remaja yang memulakan aktiviti tidak sihat /delinkuens sejak dari awal mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menjadi pesalah jenayah yang kronik (Patterson, et.al, 1992; Walker, et.al, 1995; McWhirter, 1998; dalam Abdul Razak Abdul Manaf, 2000). Mereka telahpun mempamerkan gelagat, fikiran dan emosi yang disfungsi sejak awal kehidupan dan semasa di bangku sekolah dan jika ia tidak dicegah, boleh membentuk permasalahan sosial yang lebih kronik terhadap golongan remaja terbabit.

### **Masalah Sosial**

Apa yang dimaksudkan dengan masalah sosial? Secara umumnya, masalah sosial boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang mengancam atau dilihat sebagai mengancam kepentingan seseorang individu (Coleman & Cressey, 1999). Namun demikian, definisi ini dianggap tidak begitu tepat kerana terdapat beberapa keadaan yang mungkin merupakan masalah sosial kepada sesetengah orang, sebaliknya merupakan penyelesaian kepada orang lain. Selain itu, masalah sosial sering dianggap sebagai situasi sosial yang dilihat oleh ramai orang sebagai tidak sesuai dan perlu dibaiki/perbetulkan (Eitzen & Zinn, 1997).

Justeru, terdapat definisi sosiologikal tentang masalah sosial iaitu pertama, masalah sosial muncul / terjadi apabila terdapat perbezaan antara apa yang ideal dalam masyarakat dengan pencapaian sebenar (Merton, 1976). Ini boleh dilihat misalnya apabila berlaku diskriminasi ras iaitu terdapat segelintir masyarakat yang dinafikan peluangnya terhadap pendidikan, pekerjaan dan perumahan, walaupun masyarakat sendiri menganggap bahawa ia sepatutnya menerima layanan yang adil dan saksama sepertimana individu yang lain. Pendekatan yang pertama ini dikritik kerana tiada sebuah masyarakat pun yang memiliki nilai dan idealnya yang tersendiri. Ini kerana nilai dan ideal dalam masyarakat tersebut adalah berasaskan pendapat pengkaji itu sendiri dan bukannya melalui analisis yang objektif.

Kedua, sesuatu itu dianggap sebagai masalah sosial apabila terdapat sebilangan orang yang mempercayai bahawa keadaan tersebut merupakan suatu masalah (Blumer, 1971). Ini merujuk kepada "pendapat umum" dan bukannya ahli Sosiologi itu sendiri yang membuat keputusan sama ada ia masalah sosial atau tidak. Ahli-ahli Sosiologi hanya berfungsi untuk menentukan masalah apa yang melibatkan sebilangan besar anggota masyarakat. Dalam konteks ini misalnya, pencemaran tidak dianggap masalah sosial sehinggalah aktivis alam sekitar dan laporan akhbar yang menarik perhatian masyarakat terhadap keadaan tersebut, sungguhpun ia sebenarnya telahpun wujud atau berlaku beberapa lama dahulu. Pendekatan ini juga dikritik kerana masyarakat seringkali tidak memahami sepenuhnya apa yang dikatakan "masalah". Namun demikian, kedua-dua definisi tentang masalah sosial ini diterima kerana dalam masa ahli Sosiologi itu membuat penilaian, pandangan masyarakat turut diambil kira.

## Perkembangan Teori Masalah Sosial

Ahli-ahli Sosiologi Amerika Syarikat terdahulu sering mengaplikasikan model perubatan dalam menganalisis masyarakat iaitu untuk menilai sama ada terdapat patologi atau penyakit dalam masyarakat. Mereka sering mengandaikan bahawa masalah sosial muncul akibat keadaan individu itu sendiri yang jahat atau teruk, misalnya disebabkan proses sosialisasi yang tidak lengkap, gangguan mental ataupun kurang siuman. Ahli-ahli patologi sosial ini melihat masalah sosial sebagai tingkah laku atau susunan sosial yang mengganggu peraturan moral. Ini termasuklah masalah-masalah seperti homoseksual, mencuri, merompak, membunuh dan membunuh diri (Eitzen & Zinn, 1997).

Sekitar tahun 1920an dan 1930an pula menyaksikan perubahan pesat yang berlaku akibat proses migrasi, perbandaran dan perindustrian sehingga menyebabkan disorganisasi sosial berlaku. Proses-proses ini kemudiannya telah mengakibatkan peningkatan dalam kadar jenayah, keruntuhan institusi kekeluargaan dan gangguan mental (Eitzen & Zinn, 1997).

Beberapa dekad sebelum ini pula memperlihatkan kecenderungan ahli-ahli Sosiologi untuk melihat sesuatu masalah sosial itu berpunca daripada perlakuan devian iaitu yang menyimpang atau melencong dari norma masyarakat. Mereka melihat bahawa perlakuan devian terhasil akibat daripada konflik antara matlamat masyarakat (misalnya kejayaan material) dengan halangan yang terpaksa dihadapi oleh mereka (Eitzen & Zinn, 1997).

Apabila individu tersebut gagal untuk memperolehi matlamat yang diinginkan melalui cara yang sah, maka mereka akan melakukan perkara-perkara yang di luar batasan norma termasuklah membunuh atau menyembelih anggota keluarga mereka sendiri. Dalam kes-kes yang sering dipaparkan di dalam media massa, mereka biasanya mengalami tekanan dari sudut kewangan dan tidak berupaya memenuhi kehendak atau keperluan material tersebut dan jalan mudah dilakukan ialah dengan melakukan perbuatan devian. Dari sudut yang lain pula, masyarakat itu sendiri yang melabelkan sesuatu perlakuan sebagai devian. Di sinilah terletaknya peranan masyarakat dalam menentukan sama ada sesuatu itu sebagai masalah sosial dan siapakah yang dianggap sebagai devian.

Ahli-ahli Sosiologi pada masa ini pula berpendapat bahawa sesuatu masalah sosial itu adalah berbeza mengikut audiens dan juga masa. Mereka menekankan kepada unsur-unsur subjektif tentang masalah sosial. Perspektif ini mengkaji bagaimana untuk menentukan sesuatu fenomena sebagai masalah sosial dengan menumpukan kepada bagaimana sekelompok masyarakat dapat mempengaruhi tafsiran tentang masalah sosial. Kesimpulan yang dibuat oleh C. Wright Mills (1962) ialah jika sesuatu situasi adalah masalah individu dan beberapa individu lain, maka ia merupakan masalah persendirian, tetapi jika tersebar dan melibatkan ramai orang/masyarakat/wilayah, maka ia merupakan masalah sosial.

## **Perspektif Sosiologikal tentang Masalah Sosial**

Menurut perspektif Sosiologi, terdapat dua teori berkenaan masyarakat yang boleh dikaitkan dengan masalah sosial iaitu dari sudut mikro dan makro. Dari sudut makro, tumpuan diberikan terhadap tingkah laku sekumpulan besar anggota sesebuah masyarakat, sementara teori bersifat mikro (teori psikologi sosial) menumpukan khususnya kepada tingkah laku individu dan kumpulan kecil dalam masyarakat. Teori Fungsionalisme dan Teori Konflik sering digambarkan bersifat makro, dan teori mikro ialah Teori Interaksi Simbolik. Sementara Teori Feminisme pula menggabungkan kedua-dua pendekatan makro dan mikro (Coleman & Cressey, 1999).

### **Teori Fungsionalisme**

Teori ini melihat masyarakat seumpama organisma hidup. Sepertimana seseorang individu itu memiliki jantung, otak, darah dan lain-lain anggota tubuh badan serta sistem saraf, maka masyarakat juga mempunyai satu set institusi ekonomi, politik, kekeluargaan, pendidikan dan keagamaan. Jika kesemua bahagian dalam organisma hidup saling bekerjasama untuk memastikan ia terus hidup, maka begitulah juga dengan masyarakat. Kesemua bahagian dalam masyarakat harus saling bekerjasama bagi memastikan ia terus berkembang, kekal dan stabil.

Kesemua institusi dalam masyarakat mempunyai fungsi masing-masing bagi mengekalkan keseimbangan dan kestabilan masyarakat. Walaupun demikian, proses perubahan sosial pasti berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, setiap institusi harus memainkan fungsi mereka agar seiring dengan perubahan tersebut. Jika ia tidak dapat berfungsi (keadaan ini disebut sebagai disfungsi) maka ia akan memberi kesan terhadap masyarakat.

Ahli-ahli Fungsionalis melihat bahawa terdapat satu set nilai dan norma yang sama (konsensus) yang mengikat kelompok, institusi dan keseluruhan masyarakat. Namun demikian, agak sukar untuk mengekalkan konsensus sosial tentang nilai dan norma yang asas apabila masyarakat menjadi semakin besar dan kompleks (Durkheim, 1965; Merton, 1957; Parsons, 1964; dalam Coleman & Cressey, 1999). Oleh itu, kelemahan dalam konsensus sosial merupakan salah satu penyebab utama kemunculan masalah sosial. Apabila peraturan sosial kehilangan kuasa untuk mengawal tingkah laku, maka manusia menjadi keliru dan hilang arah tujuan serta mudah terjerumus ke arah masalah dadah, gangguan mental dan tindakan membunuh diri.

Selain itu, ahli-ahli fungsionalis turut merasakan bahawa masalah sosial muncul apabila sebahagian atau keseluruhan masyarakat menjadi disorganisasi. Disorganisasi (kecelaruan) sosial merupakan punca keruntuhan struktur sosial. Ini menyebabkan beberapa bahagian dalam masyarakat tidak lagi berfungsi sepenuhnya dan saling bekerjasama. Antara punca-punca disorganisasi sosial ialah golongan remaja tidak disosialisasikan secukupnya kerana terdapat masalah dalam institusi kekeluargaan; kegagalan masyarakat untuk menyediakan peluang-peluang ekonomi dan sosial secukupnya kepada anggota masyarakat; serta perubahan sosial yang pesat.

## Teori Konflik

Teori Konflik melihat masyarakat dalam konteks yang bertentangan dengan teori Fungsionalisme. Jika teori Fungsionalisme mengandaikan bahawa manusia mematuhi peraturan kerana menganggapnya sebagai betul, maka teori konflik pula menyatakan bahawa manusia mematuhi kerana takut ditangkap, dipenjarakan ataupun kerana takut dibunuh (Coleman & Cressey, 1999). Selain itu, perbezaan pandangan juga dapat dilihat dari sudut perubahan sosial. Jika ahli fungsionalis menganggap bahawa perubahan sosial mengganggu kestabilan masyarakat, ahli konflik pula mengandaikan bahawa perubahan tersebut adalah penting kerana manusia sentiasa bersaing antara satu sama lain dalam mendapatkan kuasa. Teori yang berasaskan pandangan Karl Marx ini dilihat dalam konteks yang lebih moden, misalnya konflik kelas, etnik dan gender. Ahli-ahli konflik menafikan bahawa masalah sosial yang serius muncul akibat kelemahan nilai sosial, ataupun masalah yang tidak diundang terjadi apabila institusi sosial yang penting menjadi tidak tersusun atau kacau bilau. Menurut mereka, masalah sosial biasanya terjadi apabila golongan yang lemah dieksploitasi oleh mereka yang berkuasa. Ketidaksamaan yang terdapat dalam masyarakat kontemporari khususnya dalam pengagihan kekayaan, kuasa dan prestij dilihat oleh ahli-ahli konflik sebagai salah satu faktor utama berlakunya masalah sosial terutamanya masalah kemiskinan yang melanda masyarakat (Coleman & Cressey, 1999).

## Teori Feminis

Teori feminis mula mendapat tempat di kalangan ahli-ahli Sosiologi sejak tahun 1960an. Seringkali ahli-ahli teoritis melihat sesuatu fenomena berdasarkan perspektif kaum lelaki. Justeru, perspektif ini cuba untuk mengutarakan pandangan kaum wanita melalui perspektif ini, sepertimana yang diutarakan oleh Patricia Madoo Lengermann dan Jill Niebrugge-Brantley (1996). Teori feminis menekankan bahawa kehidupan wanita adalah berbeza dengan lelaki kerana wanita diberi tanggungjawab membesarkan anak, juga kerana keperluan fizikal dan emosi yang lebih. Kebiasaannya, wanita kurang berkemampuan dari segi harta, kurang berkuasa dan mempunyai status yang rendah berbanding lelaki. Ahli-ahli feminis sering menggambarkan keadaan masyarakat kini adalah berasaskan sistem patriarki (*patriarchy*) iaitu masyarakat didominasi oleh kaum lelaki dan mereka mendapat ganjaran hasil dari dominasi tersebut (Coleman & Cressey, 1999).

Terdapat tiga kelompok ahli feminis iaitu golongan yang liberal, sosialis dan radikal. Feminis liberal melihat aktiviti sosial masyarakat terbahagi kepada dua iaitu menumpukan kepada *public* (lelaki) dan *private* (wanita). Kaum wanita sering didedahkan dengan tugas-tugas di rumah dan menjaga anak, sedangkan kaum lelaki dikaitkan dengan kuasa, wang dan prestij (Coleman & Cressey, 1999). Keadaan ini dikatakan berpunca daripada konsep *sexism* iaitu diskriminasi, stereotaip dan prejudis yang berasaskan gender.

Feminis sosialis pula melihat eksploitasi terhadap wanita muncul akibat sistem ekonomi kapitalis iaitu eksploitasi tenaga buruh, khususnya wanita. Mereka dikatakan dieksploitasi oleh suami kerana mereka tidak pernah diberi upah apabila menjaga anak dan melakukan kerja-kerja di rumah. Mereka juga dieksploitasi dalam konteks ekonomi yang lebih besar apabila diberi gaji yang lebih rendah berbanding kaum lelaki dan boleh diberhentikan kerja bila-bila masa.

Sementara feminis radikal pula berhujah bahawa dunia wanita dan lelaki adalah berbeza. Kaum lelaki dikatakan bertanggungjawab mencipta dan mengekalkan peraturan sosial sedia ada iaitu melalui sistem patriarki yang mengeksploit dan menindas kaum wanita dan ini diekspresikan dalam bentuk keganasan terhadap wanita seperti jenayah rogol, keganasan terhadap isteri, sumbang mahram dan pembunuhan.

### **Teori Interaksionis**

Teori interaksionis merupakan salah satu pendekatan psikologi sosial. Namun, ia juga digunakan dalam teori-teori sosiologi. Ahli-ahli interaksionis menerangkan tentang tingkah laku dalam bentuk pola-pola pemikiran dan kepercayaan yang kita miliki dan pemberian makna dalam kehidupan. Menurut teori ini, tingkah laku individu boleh difahami melalui bagaimana pelaku melihat diri dan persekitaran mereka. Ia juga menerangkan apakah jangkauan yang boleh didapati daripada orang lain dan bagaimana untuk bertindak dalam sesuatu konteks sosial. Budaya manusia merupakan satu sistem yang kompleks tentang perkongsian makna, dan makna ini menentukan tingkah laku kita.

George Herbert Mead (1934) yang memperkenalkan teori ini menyatakan bahawa keupayaan kanak-kanak untuk berfikir dan menggunakan simbol-simbol ini digunakan dalam proses sosialisasi. Pada awalnya, kanak-kanak akan meniru kelakuan ibu bapa mereka, tetapi lama kelamaan mereka belajar untuk mengambil peranan orang lain dengan berlagak sebagai "ibu" atau "bapa". Perkembangan psikologikal ini merupakan satu pembentukan konsep sendiri yang diterima oleh kanak-kanak daripada orang yang penting atau istimewa dalam hidup mereka. Semakin mereka membesar, mereka akan menerima konsep sendiri daripada orang lain pula misalnya guru dan rakan-rakan sebaya. Pengikut-pengikut Mead kemudiannya memperkenalkan teori ini sebagai interaksi simbolik dan menggunakannya dalam kajian-kajian tentang isu-isu dan masalah sosial, misalnya teori pelabelan yang digunakan dalam menerangkan tentang gangguan mental dan perlakuan jenayah (Sibutani, 1961; Blumer, 1969; dalam Coleman & Cressey, 1999).

### **Rumusan Teori**

Setiap teori ini cuba untuk menerangkan permasalahan sosial dari sudut yang berbeza. Teori fungsionalisme misalnya, melihat sesuatu masalah sosial berpunca daripada disorganisasi sosial yang menimbulkan bencana terhadap sebahagian besar masyarakat moden. Mereka melihat kebanyakan masalah sosial berpunca daripada kelemahan institusi kekeluargaan; serta sikap individualistik dan keinginan terhadap kebebasan menyebabkan kita mengabaikan tanggungjawab komuniti. Suatu ketika dahulu, perkahwinan diperlukan dalam konteks kebajikan anak-anak dan masyarakat secara keseluruhannya. Namun, kelemahan beberapa norma dalam masyarakat menyebabkan perceraian yang mengakibatkan keruntuhan institusi kekeluargaan, seterusnya menyebabkan anggota keluarga tersebut berdepan dengan tekanan dari sudut kewangan, dan boleh membawa mereka kepada masalah lain yang lebih besar.

Teori feminis pula melihat sesuatu masalah berpunca daripada diskriminasi dan *sexism*. Golongan wanita sering dieksploitasi dan didiskriminasi kerana kedudukan



dan status yang lebih rendah berbanding lelaki. Mereka dianggap golongan yang lemah dan ini mendedahkan mereka dengan keganasan oleh kaum lelaki. Malah, jika terjadi perceraian, kalangan ibu tunggal juga menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan yang menawarkan gaji yang berpatutan bagi menanggung anak-anak mereka.

Teori konflik menekankan tentang kesan konflik kelas dalam keluarga. Keluarga yang miskin dikatakan mempunyai kadar perceraian dan ketidakstabilan yang lebih berbanding dengan kelas menengah dan atasan. Keluarga yang miskin juga menghadapi tekanan kewangan yang hebat dalam memenuhi kualiti hidup disebabkan mereka menerima pendidikan yang rendah serta taraf pekerjaan yang rendah. Keadaan ini boleh membawa kepada masalah sosial yang lain pula seperti perpecahan institusi kekeluargaan, penderaan terhadap anak-anak serta keganasan terhadap anggota keluarga. Apa yang disarankan oleh teori ini ialah agar konsep kesamaan dan keadilan ditekankan dalam kekeluargaan dan masyarakat secara umumnya.

Sementara teori interaksionis pula melihat kebanyakan masalah sosial seperti gangguan mental, delinkuensi juvana dan jenayah berpunca daripada sosialisasi yang salah. Ahli-ahli interaksionis juga melihat keluarga sering menjadi mangsa dalam proses pelabelan masyarakat. Sementara anggota keluarga berkenaan pula secara tidak langsung menerima label-label tersebut dan mula memaparkan imej negatif dalam diri mereka. Keadaan ini dirujuk sebagai *self-fulfilling prophecy* iaitu jika seseorang individu merasakan sesuatu situasi itu adalah benar, maka akibatnya ia akan menjadi benar.

### Kesimpulan

Masalah sosial di kalangan remaja akan menjadi lebih parah seandainya tidak ditangani secara berkesan. Berdasarkan perspektif Sosiologi, apa yang penting ialah semua pihak, tidak kira sama ada individu, keluarga dan masyarakat sama-sama berganding bahu menangani permasalahan tersebut dan memperbaiki keadaan yang mengundang kepada permasalahan sosial. Institusi kekeluargaan yang lemah, ketidaksamarataan dalam masyarakat, pandangan serong dan pelabelan masyarakat hanya akan memburukkan keadaan yang sedia ada.

### Bibliografi

- Abdul Razak Abdul Manaf, (2000), Program Pencegahan Keganasan Remaja: Satu Model Program, dalam Mahmood Nazar Mohamed, Nadiyah Elias & Azmi Shaari (Penyelenggara), *Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2000*, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia : 329-340.
- Blumer, H. (1971), Social Problems As Collective Behavior, *Social Problems*, 18: 298-306.
- Coleman, J.W. & Cressey, D.R. (1999), *Social Problems*, 7<sup>th</sup> ed. New York: Longman.

- Eitzen, D.S. & Zinn, M.B. (1997), *Social Problems*, 7<sup>th</sup> ed. Boston: Allyn & Bacon.
- McWhirter et.al. (1998), *At-Risk Youth: A Comprehensive Response*, Pacific Groove: Brooks/ Cole Publishing Co.
- Merton, R.K. (1976), The Sociology of Social Problems dalam Merton, R.K. & Nisbet, R. (eds), *Contemporary Social Problems*, 4<sup>th</sup> ed., New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Lengermann, P.M. & Niebrugge-Brantley, J. (1996), Contemporary Feminist Theory, dalam Ritzer, G., *Sociological Theory*, 4<sup>th</sup> ed., New York: McGraw Hill: 436-488.